

JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITITEKNOLOGI MARA

TENDER DAN PENILAIAN KERJA PROJEK SEDERHANA

SESIJUN-OKTOBER 2003

Laporan Latihan Amali ini adalah untuk memenuhi kursus Latihan Amali

DISEDIAKAN OLEH: SURIA BTE YAACOB

PENSYARAH: EN. MAHAYUDIN BIN MAHMOOD

## ISI KANDUNGAN

## MUKA WAT

### Penghargaan

#### 1.0 Pengenalan

5 - 8

##### 1.1 Tujuan latihan praktikal

##### 1.2 Kepentingan latihan praktikal

##### 1.3 Skop latihan praktikal

#### 2.0 Latar belakang Jabatan Kerja Raya (JKR)

9 - 12

##### 2.1 Keterangan logo

##### 2.2 Keterangan warna

##### 2.3 Dasar kualiti JKR

##### 2.4 Objektif kualiti JKR

##### 2.5 Piagam pelanggan JKR

##### 2.6 Organisasi di JKR

##### 2.7 Bahagian jalan

##### 2.8 Bahagian bangunan

##### 2.9 Bahagian pelan

##### 2.10 Bahagian Ukur Bahan

##### 2.11 Bahagian workshop

##### 2.12 Bahagian elektrik

##### 2.13 Bahagian Stor

#### 3.0 Jadual aktiviti harian

#### 4.0 Tender

10 ~ 37-  
^ - \.Q

#### 4.1 Pengenalan

#### 4.2 Peringkat sebelum tawaran

4.2.1 Penyediaan dokumen tawaran

4.2.2 Pemilihan penender

4.2.3 Pelawaan tender

4.2.4 Membeli dokumen tender

4.2.5 Mengisi dokumen tender

4.2.6 Mengharga tender

i. Mengharga tender secara ' Bill Of Quantities '

ii. Mengharga tender secara ' Lump Sum '

#### 4.3 Peringkat semasa tawaran

4.3.1 Penghantaran dan pembukaan tender

4.3.2 Pemilihan tender

4.3.3 Pemeriksaan bilangan harga

4.3.4 Pembetulan kesilapan

#### 4.4 Peringkat selepas tawaran

4.4.1 Penerimaan tender

4.4.2 Borang-borang kontrak

4.4.3 Dokumen kontrak

4.4.4 Prosedur tandatangan dan seterusnya

#### 4.5 Lain-lain bidang yang berkaitan

4.5.1 Objektif atau tujuan

## PENGHARGAAN

Syukur saya ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat saya menjalani latihan praktikal selama enam bulan dan dapat menyiapkan laporan seperti yang telah diminta.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak JKR kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan praktikal bermula pada 23 Jun 2003 sehingga 5 November 2003. Di mana dalam tempoh latihan praktikal ini saya telah ditempatkan di bawah pembantu teknik Ukur Bahan iaitu Encik Kairul Nazarudin B. Azizan yang telah banyak mencurahkan segala pengalaman dan pelajaran kepada saya. Beliau juga banyak memberi nasihat dan pertolongan tentang dunia pekerjaan yang harus ditempuhi setiap orang. Tidak ketinggalan juga kepada pekerja-pekerja sama ada di dalam atau di luar bahagian pejabat, yang masing-masingnya banyak memainkan peranan dalam membantu saya untuk lebih mengenali alam pekerjaan dan kehidupan secara bermasyarakat tanpa mengira pangkat. Pengalaman dari setiap orang daripada mereka telah banyak mendorong saya supaya lebih gigih untuk menimba ilmu tidak kira sama ada secara lisan ataupun praktikal.

Para pensyarah dalam kursus Ukur Bangunan juga tidak ketinggalan memainkan peranan penting dalam mendidik anak bangsa seperti saya supaya lebih berjaya dalam hidup. Segala sumber-sumber dan nota-nota yang diberikan amatlah penting semasa saya dalam latihan praktikal. Ianya banyak mendedahkan

## 1.0 PENGEMALAN

### 1.1 TUJUAN LATIHAN PRAKTIKAL

Latihan praktikal merupakan salah satu sumber utama dalam kurikulum pembelajaran di Universiti. Latihan praktikal merupakan salah satu syarat yang telah diwajibkan keatas setiap pelajar Universiti sebelum ianya di perakukan untuk penganugerahan Diploma Universiti. Setiap pelajar Universiti dikehendaki menjalani latihan praktikal selama 20 minggu atau satu semester. Objektif latihan praktikal adalah seperti berikut;

- i Untuk mendedahkan para pelajar dengan alam pekerjaan sebenar dimana pelajar dapat mengetahui tentang selok-belok menjalankan kerja serta perkembangan teknologi pembinaan terkini, dan ini membolehkan pelajar melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu agar bersedia untuk menghadapi alam pekerjaan sebenar kelak.
- ii Untuk menanamkan semangat kerja berpasukan atau berkerjasama dan perhubungan yang baik sesama pekerja semasa bekerja kerana ianya perlu semasa pelajar berada dalam alam pekerjaan untuk memajukan diri.